



COVID-19 Mengubah Norma Kehidupan Manusia

KITA berhadapan dengan pandemik COVID-19. Pandemik yang turut meletakkan Malaysia dalam peta krisis kesihatan global. Sehingga awal April, lebih sejuta orang telah disahkan dijangkiti manakala lebih 50 ribu orang telah terkorban di seluruh dunia.

Bermula dari Tanah Besar China, di sebelah timur dunia, virus tersebut bergerak dengan senyap tetapi pantas, di bawah arus globalisasi sehingga menggegarkan benua Eropah dan Amerika Syarikat (AS) – hanya dalam masa sebulan. Jumlah kematian yang direkodkan oleh negara Eropah dan AS juga telah mengatasi jumlah mereka yang dijangkiti di China. Negara yang pernah bermegah dengan mutu sistem kesihatan terbaik di dunia, terpaksa tunduk kepada serangan COVID-19.

Pandemik ini turut dianggap sebagai satu bentuk perang baharu yang perlu dihadapi tanpa senjata canggih. Pemimpin-pemimpin negara dan kerajaan di seluruh dunia termasuk Malaysia mengisytiharkan “perang kesihatan” ini perlu ditangani bersama-sama. Tiada negara yang boleh bertindak bersendirian.

Ketiadaan ubat yang mampu membunuh virus ini mengakibatkan sebanyak tujuh bilion orang penduduk di dunia panik dan cemas. Hal ini dikatakan demikian kerana belum ada ubat moden yang mampu merawat penyakit ini. Beberapa buah negara mendakwa sudah ada penemuan ke arah itu. Begitu pun, ubat tersebut kemungkinan hanya akan berada dalam pasaran pada suku akhir tahun ini kerana masih perlu melalui proses kajian demi kajian. Sehingga April lalu, sebanyak 18 buah negara masih bebas daripada COVID-19.

Malaysia pernah berhadapan dengan krisis kesihatan seperti malaria, TB, Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), Japanese Encephelitis dan virus Nipah sepanjang sejarah 60 tahun lalu. Begitu pun, COVID-19 membawa impak yang lebih teruk dan paling buruk. Sehingga awal April, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah mengesahkan lebih 50 orang telah meninggal dunia selepas virus tersebut menjangkiti lebih 3000 orang. Hal ini menjadi cabaran krisis kesihatan kepada negara meskipun Malaysia pernah mencatatkan kejayaan dalam menangani isu SARS, virus Nipah, Zika dan H1N1.

COVID-19 turut membawa cabaran yang besar yang terpaksa dilalui oleh generasi semasa. Kita pernah mengalami krisis sosiopolitik dalam sejarah negara yang paling memedihkan, iaitu pada 13 Mei 1969 dan keganasan Komunis yang membawa kesan yang mendalam terhadap rakyat dan negara. Pada ketika itu, kerajaan dengan penguatkuasaan perjalanan yang ketat dan efektif selama beberapa tahun turut dilaksanakan. Pada akhirnya, kita berjaya, manakala rakyat dan negara juga berjaya dibangunkan semula. Selepas tempoh itu, kita tidak pernah lagi diuji dengan sebarang krisis sosiopolitik atau bencana yang lebih dahsyat. Kalau ada pun, hal itu dapat

Dalam menghadapi wajah dunia yang baharu, COVID-19 telah menunjukkan dengan ketara bahawa setiap daripada kita - individu, pekerja, ketua keluarga, pemimpin masyarakat, menteri dan ahli politik, memerlukan keseimbangan baharu dan cara berfikir dengan menggunakan pendekatan bertindak yang baharu.

ditangani dengan segera dan tidak menjejaskan pergerakan seluruh rakyat negara ini - krisis pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, pada Februari 2013 dan bencana banjir terburuk negara pada tahun 2014. Semuanya ditangani dengan bijaksana.

Pandemik COVID-19 ini benar-benar menguji semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, status ekonomi dan umur. Semua perlu melalui kehidupan yang sama - duduk di rumah. Rakyat tidak lagi dibenarkan bergerak bebas sesuka hati seperti sebelumnya. Dalam sekelip mata, kita mahu atau tidak perlu mengubah kehidupan kita. Ramai yang bekerja dan bersekolah dari rumah. Tiada lagi perhimpunan, sambutan, program dan aktiviti sosial dibenarkan. Jika graf COVID-19 dapat dilandaikan, hal ini tidak bermakna kita akan dapat menjalankan aktiviti seperti sebelumnya. Dr. Noor Hisham menjelaskan bahawa hal itu mungkin mengambil masa sehingga satu tahun untuk dielakkan. Suka atau tidak, inilah kepahitan yang terpaksa dihadapi oleh rakyat Malaysia. Diharapkan keadaan ini akan membawa impak positif walaupun kita perlu mengalami kepahitan hidup.

Dalam tempoh tiga bulan yang lalu, COVID-19 telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global, penangguhan dan pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan termasuk Sukan Olimpik 2020. Hal ini pastinya memburukkan keadaan ekonomi dengan penurunan kuasa membeli, pulangan dan peluang pekerjaan yang berkurangan. Pasaran saham juga jatuh merudum.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, menyifatkan pandemik COVID-19 merupakan krisis kesihatan paling teruk dalam sejarah PBB dan pasti akan mencetuskan potensi kemelesetan ekonomi terburuk yang pernah

direkodkan. “Kita sedang menghadapi krisis kesihatan global dalam sejarah 75 tahun PBB – hal ini pasti akan menyebabkan penderitaan manusia, menjejaskan ekonomi dan kehidupan orang ramai,” kata Guterres. Tanpa berselindung beliau turut menekankan bahawa “kemelesetan ekonomi global hampir pasti mencatatkan rekod”.

Yang pastinya, Malaysia juga turut terkesan. Krisis kesihatan dan ekonomi bakal membawa satu pengalaman baharu dalam kehidupan yang mahu atau tidak, kita perlu mengadaptasikannya mengikut keperluan dan kehendak semasa. Oleh sebab itu, dalam menangani pandemik COVID-19, kerajaan tiada pilihan lain kecuali menguatkuasakan beberapa langkah tegas. Hal ini termasuklah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama sebulan bermula 18 Mac di seluruh negara. Langkah awal kerajaan ini dilihat langkah paling tepat dalam membendung penularan rantaian COVID-19.

Dalam temu bual menerusi video dengan BBC pada penghujung Mac lalu, Menteri Luar Korea Selatan, Kang Kyung-wha, yang berkongsi kejayaan negaranya dan pengiktirafan dunia atas respons yang sangat baik dalam mengatasi krisis COVID-19 berkata, “sebagaimana anda fikir, walaupun anda dapat melalui keadaan ini, ini bukanlah pengakhiran kepada episod kehidupan. Apa-apa yang disaksikan sekarang sebenarnya ialah permulaan kepada cara hidup yang baharu. Satu perkara yang ingin saya nyatakan bahawa sebagai kerajaan, kita juga harus mengawal rasa panik. Kerajaan perlu lebih tenang dalam menghadapi situasi semasa dan melakukan tindakan berdasarkan bukti dan sains. Pengisytiharan wabak oleh WHO berisiko mengubah penyebaran virus menjadi penyebaran ketakutan dan fobia dalam kalangan rakyat. Oleh itu, kerajaan bertanggungjawab mengawal dan menghentikan ketakutan itu kerana hal tersebut tidak akan membantu untuk menjana semangat

kerjasama yang kita perlukan untuk mengatasi cabaran ini secara bersama pada peringkat global,” ujarnya.

Banyak warga Asia yang berhadapan dengan diskriminasi dan dihina dengan teruk kononnya menjadi penyebab dan membawa COVID-19 ke Eropah dan negara-negara Barat. Hal ini merupakan impak negatif dan tidak wajar dilakukan dalam dunia moden yang mengutamakan ketamadunan. Kyung-wha turut berkongsi satu perkara menarik yang wajar diberikan pertimbangan demi manfaat bersama-sama, iaitu kepentingan menyemai nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian kita. Menurutnya, nilai positif itu akan menjadi asas kepada kita dalam menangani krisis dan wabak pada masa akan datang. “Baiklah, saya fikir ini (kejayaan menangani wabak) adalah kerana pegangan nilai demokrasi kami yang sangat vibran, yang bersifat terbuka dan kerajaan mengutamakan penyediaan perkhidmatan kepada rakyat, dan saya harus mengatakan bahawa rakyat kami sangat menuntut dan mahukan standard perkhidmatan kerajaan yang sangat tinggi. Inilah kunci kepada kejayaan ini,” jelasnya.

Dalam menghadapi wajah dunia yang baharu, COVID-19 telah menunjukkan dengan ketara bahawa setiap daripada kita – individu, pekerja, ketua keluarga, pemimpin masyarakat, menteri dan ahli politik, memerlukan keseimbangan baharu dan cara berfikir dengan menggunakan pendekatan bertindak yang baharu. Pemikiran dan cara bertindak yang berhadapan dengan cabaran getir ini mesti melampaui sempadan kebangsaan dan institusi serta bersifat globalisasi. Apa-apa pun pembaharuan norma baharu dalam kehidupan kita pada hari ini, kita tidak wajar mengorbankan atau menyetepikan nilai kemanusiaan. Malah yang lebih penting ialah kita, rakyat Malaysia harus menghormati hak individu lain, tidak kira agama, etnik dan kaum.

Krisis Kesihatan Global Sejak Tahun 1817

- **1817-1824:** Pandemik kolera pertama, bermula di Calcutta, India dan merebak ke sebahagian besar negara Asia. Dilaporkan telah membunuh lebih 100 ribu orang.
- **1829-1851:** Pandemik kolera kali kedua, yang dikenali sebagai pandemik Kolera Asiatik, dilaporkan bermula di sepanjang Sungai Ganges.
- **1847:** Pandemik Typhus di Amerika Utara.
- **1854:** Wabak kolera teruk berlaku di Daerah Soho, London, England.
- **1855:** Pandemik wabak ketiga bermula di Wilayah Yunnan, China dan merebak ke negara luar selepas pemberontakan Panthay.
- **1918:** Pandemik flu 1918 (selesema Sepanyol) yang melibatkan virus Influenza A (H1N1) yang menjangkiti lebih 500 juta orang di seluruh dunia, yang kebanyakannya melibatkan individu muda yang sihat.
- **1947:** Wabak kolera yang meragut 20 ribu nyawa di Mesir.
- **1952:** Wabak polio di Amerika Syarikat.
- **2002:** SARS yang disebabkan oleh koronavirus SARS.
- **2013:** Wabak Ebola Barat Afrika menjejaskan tiga buah negara di rantau itu.
- **2019-2020:** COVID-19 menjangkit hampir seluruh dunia, lebih sejuta orang dijangkiti dan lebih 50 ribu orang maut setakat awal April 2020. □